



PEMEGANG TARUH DAN KOMUNITI SAMBUT SERUAN YAB PERDANA MENTERI UNTUK GERAKKAN WARISAN KL SEBAGAI MISI NASIONAL

*Khazanah Komited RM600 Juta; YAB Perdana Menteri Seru Sokongan Menyeluruh Daripada
Semua Pihak Untuk Semarakkan Jiwa Kota Kuala Lumpur*

KUALA LUMPUR, 15 Mei 2025 – Susulan pelancaran oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Warisan KL telah menerima sokongan menyeluruh daripada pelbagai pemain taruh nasional – termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC), institusi pelaburan strategik, penggiat budaya serta komuniti tempatan – dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Khazanah Nasional (Khazanah) dan Think City (anak syarikat milik penuh Khazanah) bertindak sebagai peneraju bersama dalam menjayakan visi nasional ini.

Warisan KL kini diangkat sebagai misi kebangsaan untuk memberi nafas baharu kepada ibu negara melalui pembangunan berasaskan warisan, budaya dan kreativiti – selari dengan aspirasi Malaysia MADANI dan agenda pembangunan saksama.

Dalam ucapan beliau, Perdana Menteri menegaskan bahawa kemajuan sebenar negara tidak boleh hanya diukur dengan pencakar langit, tetapi melalui keupayaannya memelihara jiwa, memori dan nilai-nilai bersama rakyat. Beliau menyifatkan Warisan KL sebagai sebuah insiatif nasional yang memerlukan penyertaan menyeluruh merentas sektor dan generasi.

Warisan KL bukan sekadar memulihkan bangunan. Ia adalah tentang mengembalikan rasa bangga, rasa memiliki dan peluang kepada rakyat Malaysia. Dengan komitmen awal RM600 juta oleh Khazanah, beliau menyeru PNB, PETRONAS, KTMB dan semua pemegang taruh nasional lain untuk turut serta menjayakan usaha ini. Warisan KL adalah contoh pembangunan dengan pertumbuhan yang saksama – di mana rakyat tidak tertinggal, malah diberdayakan.

Dengan 10 projek perintis andalan sebagai pemangkin perubahan, Warisan KL menetapkan hala tuju jelas untuk memaknakan kawasan sivik, dan budaya yang paling ikonik di ibu negara. Inisiatif ini menjadikan warisan, kreativiti dan daya huni bandar sebagai asas kepada ekonomi baharu yang inklusif dan berimpak tinggi.

Usaha ini diselaraskan oleh Jawatankuasa Pemandu Warisan KL, dipengerusikan bersama oleh Menteri Kewangan II dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), serta Jawatankuasa Kerja Warisan KL yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, dan disokong secara teknikal oleh Think City (sebagai rakan pelaksana Khazanah) dan Kementerian Kewangan sebagai sekretariat pelaksana.

Struktur ini berteraskan prinsip penyelarasan rentas kerajaan, agensi pelaksana dan rakan kolaborasi, berpandukan Pelan Induk Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur yang telah diterima pakai dalam Rancangan Tempatan Kuala Lumpur 2040.



Warisan KL mencerminkan pendekatan *whole-of-nation* dengan penyertaan pelbagai lapisan termasuk Khazanah Nasional Berhad, MBI Selangor, DBKL, Jabatan Warisan Negara, PNB Merdeka Ventures, Prasarana, Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Arkib Negara Malaysia, Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Semua House serta syarikat swasta, penggiat budaya, dan masyarakat civil. Turut dijangkakan ialah penyertaan daripada PETRONAS, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan agensi pelaburan strategik, dan kementerian lain bagi menjayakan usaha ini sebagai usaha jangka panjang negara.

YBhg. Dato' Seri TPr (Dr.) Maimunah Mohd Sharif, Datuk Bandar Kuala Lumpur menyifatkan Warisan KL sebagai pemangkin transformasi bandar secara menyeluruh. "Warisan KL bukan sekadar agenda warisan, ia adalah strategi bandar yang menekankan daya huni, keterangkuman dan ketahanan budaya. Kita bukan hanya memulihkan bangunan, kita menghidupkan semula identiti dan kehidupan masyarakat. Ini adalah fasa penting dalam membentuk semula Kuala Lumpur sebagai ibu negara untuk semua rakyat Malaysia."

YBhg. Dato' Amirul Feisal Wan Zahir, Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad berkata, "Khazanah berbangga bekerjasama dengan DBKL dalam menerajui inisiatif Warisan KL sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh modal sosial dan budaya negara. Melalui Think City, kami komited menterjemahkan visi ini kepada pembangunan bandar yang nyata, dengan menjadikan warisan sebagai pencetus rasa bangga terhadap negara, daya cipta dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Projek andalan seperti pemulihan Bangunan Sultan Abdul Samad dan Carcosa Seri Negara bukan sekadar pemuliharaan fizikal, tetapi mencerminkan iltizam kami menghidupkan warisan sebagai nadi pembangunan yang inklusif. Transformasi warisan negara ini juga sejajar dengan strategi Khazanah yang berlandaskan kerangka *A Nation That Creates*, ke arah mewujudkan ruang-ruang dinamik yang menyatukan komuniti dan memperkukuh identiti Malaysia sebagai destinasi pelancongan budaya."

YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengurus Kumpulan PNB berkata, "Peranan Merdeka 118 dalam Warisan KL melambangkan keyakinan kami bahawa sejarah dan kemajuan boleh bergerak seiring. Melalui pemulihan dan pemuliharaan teliti mercu tanda penting seperti Stadium Merdeka, kami menghargai warisan negara sambil mewujudkan ruang inklusif yang mengukuhkan komuniti. Presint ini menjadi bukti komitmen kami untuk mengekalkan identiti dan memberi inspirasi kepada generasi akan datang".

YBhg. Dato' Azhar Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Aset Keretapi (RAC) berkata "Sebagai pemegang amanah warisan rel negara, RAC komited untuk menyerlahkan semula aset ikonik seperti Stesen Keretapi Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya. Menerusi Warisan KL, kami berhasrat untuk memulihkan kawasan ini sebagai mercu tanda sivik yang penting – sambil meraikan nilai sejarahnya dan menghubungkannya kembali dengan kehidupan ekonomi dan sosial bandar ini. Kami berbangga dapat menyumbang ke arah pembentukan pusat bandar Kuala Lumpur yang lebih rancak, mudah diakses dan kaya dengan nilai budaya."



Penglibatan komuniti adalah nadi kepada usaha ini. Penggiat seni dan budaya yang terlibat dalam Warisan KL menyuarakan pendapat:

Zeen Chang, Rakan Kongsi Urusan Bai Chuan Management dan Pengasas Bersama Kwai Chai Hong berkata: "Kwai Chai Hong bermula sebagai projek kecil-kecilan. Melihat impak inisiatif pemulihan ini, kami kini mempunyai misi yang lebih besar – untuk menghargai warisan kami. Melalui Warisan KL, kami dapat menyumbang kepada usaha kolektif untuk memastikan naratif budaya Cina terus hidup dan boleh diakses. Ia adalah tentang bagaimana kita mencipta ruang di mana sejarah dan pemodenan dapat wujud bersama. Pengunjung daripada pelbagai usia, rakyat tempatan mahupun pelancong akan dapat merasai keunikan kisah silam dan semasa Kuala Lumpur."

Nur Diyana Nadirah, Pengasas Gangsapura berkata: "Sokongan daripada inisiatif seperti Warisan KL membolehkan Gangsapura memperkenalkan warisan budaya Melayu, gamelan, kepada sasaran baharu di tengah bandar. Warisan hidup ini bukanlah sekadar tinggalan masa lalu – ia sentiasa mengilhamkan kreativiti, menyatukan komuniti dan mewarnai budaya di bandar. Warisan KL mewujudkan hubungan yang mendalam kepada generasi akan datang dengan semangat seni Malaysia yang tak lapuk dek zaman."

Engku Roestam Alias, Pengasas Bersama Kedai Buku Riwayat berkata: "Warisan KL membuka peluang untuk ruang seperti Kedai Buku Riwayat berkembang di tengah pusat bersejarah Kuala Lumpur. Melalui sastera dan penceritaan, kami mengangkat dan memperbaharui naratif penting dalam identiti kebangsaan kita. Dengan meraikan kekuatan penulisan, Warisan KL mengukuhkan peranan kota ini sebagai tempat pertemuan warisan, budaya dan imaginasi."

Warisan KL bukan sekadar projek pemulihan, ia adalah misi nasional untuk membentuk semula Kuala Lumpur sebagai cerminan jiwa negara. Dengan pendekatan menyeluruh yang melibatkan semua lapisan masyarakat, Warisan KL menandakan langkah penting dalam merealisasikan visi Malaysia MADANI, di mana pembangunan bukan hanya diukur dari segi kemajuan fizikal, tetapi melalui erti, rasa kepunyaan dan masa depan yang dibina bersama.

- TAMAT -

Mengenai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ialah pihak berkuasa tempatan di Malaysia yang bertanggungjawab mentadbir Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Agensi ini beroperasi di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan. DBKL bertanggungjawab terhadap kesihatan awam dan sanitasi, pengurusan dan pelupusan sisa, perancangan bandar, perlindungan dan kawalan alam sekitar, pembangunan ekonomi dan sosial, serta penyelenggaraan umum infrastruktur bandar.

Mengenai Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") ialah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk menyampaikan nilai mampan untuk rakyat Malaysia. Selaras dengan strategi jangka panjang Memajukan Malaysia, Khazanah menyasarkan untuk mencapai tujuannya dengan melabur dalam sektor pemangkin, mencipta nilai melalui pengawasan aktif, meningkatkan kehadiran globalnya, serta membina kapasiti dan komuniti yang bertenaga untuk manfaat rakyat Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, layari www.khazanah.com.my.



Mengenai Think City

Think City adalah sebuah organisasi berimpak tinggi yang telah ditubuhkan pada tahun 2009. Ianya bertujuan menghasilkan pelestarian bandar yang lebih saksama demi faedah semua. Kemahiran, ilmu dan strategi Think City tertumpu kepada penyelesaian perbandaran, alam sekitar, komuniti sosial dan ekonomi budaya. Think City ialah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad. Untuk maklumat lanjut, sila layari thinkcity.com.my.

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampunan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Mengenai Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletakhak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. Untuk maklumat lanjut sila layari www.rac.gov.my.



STAKEHOLDERS AND COMMUNITY BACK YAB PRIME MINISTER'S CALL TO ADVANCE WARISAN KL AS A NATIONAL AGENDA

Khazanah Commits RM600 Million; YAB Prime Minister Calls for Broad Support to Revitalise the Soul of Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR, 15 May 2025 – Since its launch by the Prime Minister, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Warisan KL has received broad support from various national stakeholders – including government-linked companies (GLCs), strategic investment institutions, cultural activists and local communities. The initiative is jointly led by the Kuala Lumpur City Hall (DBKL), Khazanah Nasional (Khazanah), and Think City (urban impact organisation wholly owned by Khazanah), who are working together to bring this national vision to life.

Warisan KL is now elevated as a national mission to breathe new life into the nation's capital through heritage, culture and creativity-driven development, in line with the aspirations of Malaysia MADANI and the agenda for equitable growth.

In his launching speech, the Prime Minister emphasised that a nation's true progress cannot be measured solely by skyscrapers, but by its capacity to preserve the soul, memory and shared values of its people. He described Warisan KL as a national initiative that calls for participation of all sectors and generations.

Warisan KL is not just about restoring buildings. It is about restoring pride, nurturing a sense of belonging, and creating opportunities for Malaysians. With Khazanah's initial commitment of RM600 million, he called upon PNB, PETRONAS, KTMB and all other national stakeholders to come together in advancing this national effort. Warisan KL serves as a model of equitable growth, one that empowers the people and not leave them behind.

Anchored by 10 flagship pilot projects as catalysts for change, Warisan KL charts a clear direction to enrich the capital's most iconic civic and cultural areas. This initiative positions heritage, creativity and liveability as the foundation for a new, inclusive and high-impact economy.

The effort is co-ordinated by the Warisan KL Steering Committee, co-chaired by the Second Minister of Finance and the Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories), along with the Warisan KL Working Committee chaired by the Mayor of Kuala Lumpur. Think City (as Khazanah's implementing partner) and the Ministry of Finance serves as the implementing secretariat.

This structure ensures alignment with the various government departments, implementing agencies and collaborative partners and is guided by the Kuala Lumpur Creative and Cultural District Master Plan, which has been adopted under the Kuala Lumpur Local Plan 2040.

Warisan KL reflects a whole-of-nation approach with participation from various entities including Khazanah Nasional Berhad, MBI Selangor, DBKL, Department of National Heritage, PNB Merdeka Ventures, Prasarana, Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, National Archives of Malaysia, Railway Asset Corporation (RAC), Semua House, as well as private companies, cultural practitioners, and civil society groups. PETRONAS, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), strategic investment agencies and other ministries are expected to come on board to realise this long-term national effort.



YBhg. Dato' Seri TPr (Dr.) Maimunah Mohd Shariff, Kuala Lumpur Mayor described Warisan KL as a catalyst for integrated urban transformation. "Warisan KL is not just a heritage agenda – it is an urban strategy focused on liveability, inclusion and cultural resilience. We are not just restoring buildings – we are reactivating identity and public life. This is a critical chapter in reimaging KL as a capital for all Malaysians."

YBhg. Dato' Amirul Feisal Wan Zahir, Managing Director of Khazanah Nasional Berhad, said, "Khazanah is proud to collaborate with DBKL in spearheading the Warisan KL initiative as part of efforts to strengthen the nation's social and cultural capital. Through Think City, we are committed to translating this vision into tangible urban development, positioning heritage as a catalyst for national pride, creativity, and sustainable economic growth. Flagship projects such as the revitalisation of the Sultan Abdul Samad Building and Carcosa Seri Negara are not merely physical restorations, but a reflection of our determination to breathe new life into heritage as the heart of inclusive development. This transformation of national heritage also aligns with Khazanah's strategy under the *A Nation That Creates* framework, aimed at creating dynamic spaces that bring communities together and reinforce Malaysia's identity as a cultural tourism destination."

YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Group Chairman of PNB, said: "Merdeka 118's role within Warisan KL reflects our belief that history and progress can move forward together. Through the careful restoration and conservation of key landmarks like Stadium Merdeka, we honour our heritage while creating inclusive spaces that uplift communities. This precinct is a testament to our commitment to preserving identity and empowering future generations."

YBhg. Dato' Azhar Ahmad, Chief Executive Officer of RAC said: "As custodian of Malaysia's railway heritage, RAC is committed to rejuvenating iconic assets such as the historic Kuala Lumpur Railway Station and its surrounding precincts. Through Warisan KL, we aim to restore these spaces as vital civic landmarks – celebrating their historical significance while reconnecting them to the economic and social life of the city. We are proud to contribute towards building a more vibrant, accessible and culturally resonant downtown Kuala Lumpur.

Community participation lies at the heart of this effort. Cultural and arts activities involved in Warisan KL also shared their views:

Zeen Chang, Managing Partner of Bai Chuan Management and Co-Founder of Kwai Chai Hong, said: "Kwai Chai Hong began as a humble passion project. Seeing the impact this restoration effort has made, we now have a bigger mission – to honour our heritage. Through Warisan KL, we become part of a collective effort to ensure that our Chinese cultural narratives remain alive and accessible. It's about creating spaces where history and modernity coexist. Visitors of all age groups, both locals and tourists, will get to experience the rich tapestry of Kuala Lumpur's past and present."

Nur Diyana Nadirah, Founder of Gangsapura, said: "Support from initiatives like Warisan KL has allowed Gangsapura to bring traditional Malay gamelan to new audiences in the heart of the city. It shows that living heritage is not static – it continues to inspire creativity, build communities and shape urban culture. Warisan KL gives the next generation a powerful connection to Malaysia's timeless artistic spirit."

Engku Roestam Alias, Co-Founder of Riwayat Bookstore, said: "Warisan KL will enhance spaces like Riwayat Bookstore and give it the opportunity to thrive within the historic core of



Kuala Lumpur. Through literature and storytelling, we are reclaiming and renewing narratives that are essential to our national identity. By celebrating the written word, Warisan KL strengthens the city's role as a place where heritage, culture and imagination converge."

Warisan KL is more than a restoration project - it is a collective national mission to reimagine Kuala Lumpur as a city that embodies the soul of the nation. With a holistic approach involving all layers of society, Warisan KL marks an important step forward in realising the vision of Malaysia MADANI, where development is not only measured by material gains, but by meaning, sense of belonging and the shared future we build together.

- END -

About Kuala Lumpur City Hall (DBKL)

The Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is the local authority in Malaysia responsible for administering the Federal Territory of Kuala Lumpur. This agency operates under the Federal Territories Department. DBKL is responsible for public health and sanitation, waste management and disposal, urban planning, environmental protection and control, economic and social development, and the general maintenance of urban infrastructure.

About Khazanah Nasional Berhad

About Khazanah Nasional Berhad Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") is the sovereign wealth fund of Malaysia entrusted to deliver sustainable value for Malaysians. In line with its long-term strategy of Advancing Malaysia, Khazanah aims to deliver its purpose by investing in catalytic sectors, creating value through active stewardship, increasing its global presence, as well as building capacity and vibrant communities for the benefit of Malaysians. For more information on Khazanah, visit www.khazanah.com.my.

About Think City

Think City is an impact organisation established in 2009 to create more sustainable and equitable places for the benefit of all. Our knowledge, skills and strategies focus on urban solutions, the environment, social communities, and the cultural economy. Think City is a wholly owned subsidiary of Khazanah Nasional Berhad (the sovereign wealth fund of the Government of Malaysia). For more information, log on to thinkcity.com.my.

About Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) is one of the largest fund management companies in Malaysia with assets under management (AUM) exceeding RM300 billion. PNB's portfolio covers strategic investments in Malaysia's leading corporates, global equities, private investments and real estate. For over four decades, we remain focused in contributing to the wealth of Bumiputeras and all Malaysians and are dedicated to fulfilling our purpose to uplift the financial lives of Malaysians across generations. We are committed to sustainability, responsible practices, and the creation of an inclusive future that benefits both our stakeholders and the communities we serve. For more information, please visit www.pnb.com.my.

About Railway Assets Corporation (RAC)

About RAC: Railway Assets Corporation (RAC) is a federal statutory body under the Ministry of Transport. RAC was established under the Railways Act 1991 (Act 463) and fully operational as an organisation on 1 August 1992. With the enactment of the act, all railway assets that were previously under the administration of KTM and railway land that were under the Federal Land Commissioner (PTP) are vested in RAC while train service operations are managed by a successor company, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). This Corporation acts as the caretaker and business planner to govern and interpret railway assets into valuable property capable of generating continuous income for the Government. For more information, log on to www.rac.com.my.